

Wawancara bersama Pegawai Penyokong Operasi

Mari kita kenali para Pegawai Penyokong Operasi

Aunty Fareeth, Uncle Ismail, Aunty Pakiam dan Uncle Tan bekerja sebagai Pegawai Penyokong Operasi di Sekolah Rendah Greenwood (GWPS). Pelbagai tugas dilakukan oleh mereka setiap hari. Antara tugas yang mereka lakukan adalah membuka pintu pagar sekolah pada jam 6 pagi setiap hari. Mereka juga menjaga pintu pagar utama sekolah setiap pagi semasa murid-murid datang ke sekolah dan setiap tengah hari sewaktu murid-murid pulang dari sekolah. Mereka juga akan memastikan bahawa pekerja pembersihan membersihkan kelas-kelas setiap hari agar kawasan sekolah bersih dan selamat.

Mereka mengatakan bahawa mereka berasa puas hati apabila mereka melihat murid-murid dapat belajar dalam persekitaran sekolah yang bersih dan teratur. Mereka juga gembira apabila menerima ucapan terima kasih daripada murid-murid dan guru-guru. Mereka berharap agar murid-murid GWPS akan bersama-sama melakukan bahagian mereka dalam menjaga kebersihan sekolah.

Akhir sekali, para pegawai penyokong operasi kita berharap agar murid-murid GWPS akan sentiasa berada dalam keadaan selamat, sihat dan terus belajar dengan tekun serta meraih keputusan yang cemerlang. Perkara itu akan membuat tugas mereka lebih bermakna.



Dilaporkan oleh:
Muhammad Waqiyuddin
Wafiq Bin Zainuddin
(4 Integrity)



Tugas mereka penting.

Tugas para pegawai operasi sekolah penting kerana mereka menolong semua orang di sekolah. Jika kawasan sekolah tidak dijaga, murid-murid sekolah akan mudah tercedera. Contohnya, mereka mengemop lantai ruang legar sekolah supaya semua orang tidak tergelincir dan terjatuh. Mereka membantu



semasa peperiksaan lisan bersama bersama pekerja-pekerja lain untuk mengangkat dan menyusun kerusi di dewan sekolah agar peperiksaan lisan dapat dimulakan tepat pada waktunya. Apabila uniform sekolah murid-murid kotor, mereka akan mengambilkan uniform yang bersih untuk dipinjamkan kepada murid-murid. Mereka pun menjaga murid-murid yang tidak sihat di gim sekolah sementara menunggu ibu bapa datang.



Ayuh, bantu mereka!

Kita boleh meringankan para pegawai operasi sekolah tugas dengan melakukan bahagian kita. Bersihkan bilik darjah dan matikan lampu serta kipas sebelum meninggalkan kelas. Oleh itu, mereka tidak perlu mengambil masa yang lama untuk membersihkan atau mematikan lampu dan kipas dalam kesemua bilik darjah.

Laporkan tentang peralatan yang rosak kepada pejabat sekolah agar dapat dibaiki. Kita juga harus selalu menjaga kebersihan, melintas jalan raya dengan selamat dan menggunakan harta benda sekolah dengan lebih bertanggungjawab.



Tunjukkan penghargaan.

Kita boleh menunjukkan penghargaan kita kepada para pegawai operasi sekolah dengan membuat sekeping kad penghargaan untuk mengucapkan terima kasih atas jasa dan bakti mereka. Kita juga boleh memberikan ucapan kepada Aunty Fareetha, Uncle Ismail, Aunty Pakiam dan Uncle Tan agar selalu sihat dan gembira.

Tambahan lagi, kita boleh merakamkan sebuah video ucapan terima kasih kepada mereka. Pasti mereka akan berasa bangga menerima kad dan video tersebut.



Dilaporkan oleh:



Ammar Rusydan Bin
Mohamad Roslan (4 Respect)



Subiksha Suthan Rao
(4 Harmony)



Nur Sarah Alia Binte
Muhammad Iruan (4 Care)